

Kerajaari bercadang hantar lebih ramai pelajar ke Rusia

UM 2 5 MAR 2002

SUBANG 24 Mac — Kerajaan bercadang untuk menghantar lebih ramai pelajar ke Rusia bagi melanjutkan pengajian terutama dalam bidang perubatan.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata, ini berikutan sikap pelajar Malaysia di sana sekarang yang tekun belajar dan berpuas hati dengan sistem pelajaran di sana.

Menurutnya, walaupun menghadapi kesukaran kerana terpaksa belajar bahasa Rusia terlebih dahulu tetapi beliau yakin pelajar Malaysia mampu menguasai bahasa yang sukar itu.

"Di Rusia, saya dapati ramai penuntut kita yang belajar hampir kesemuanya dalam bidang perubatan dan mereka menguasai bahasa Rusia.

"Bukan senang untuk menguasai (bahasa Rusia) tetapi mereka dapat menguasainya," katanya kepada pemberita sekembalinya dari kawatannya ke Rusia, Jerman dan Poland di pangkalan Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM) di sini hari ini.

Dr. Mahathir berkata, pada masa ini, kesemua pelajar Malaysia di Rusia belajar atas perbelanjaan sendiri.

"Dan seperti biasa bagi penuntut Melayu, bilangan yang banyak adalah wanita," jelasnya.

Perdana Menteri berkata, beliau juga mengadakan perbincangan dalam bidang pendidikan dengan kerajaan Bavaria, sebuah negeri dalam Persekutuan Jerman, untuk menambah jumlah pelajar Malaysia di sana.

Mengenai hubungan perdagangan, beliau berkata, banyak peluang perniagaan boleh diceburi jika usahawan Malaysia bijak mencari peluang terutamanya di Poland.

"Di Poland masalahnya ialah mereka tidak tahu keadaan di Malaysia dan kita juga tidak begitu tahu cara-cara perniagaan di Poland," katanya.

Dr. Mahathir berkata, semasa lawatan itu, beliau turut mengambil kesempatan mengadakan pertemuan tidak rasmi dengan beberapa syarikat gergasi Jerman termasuk Mercedes dan Siemens untuk membincangkan tentang pelaburan mereka di Malaysia.

Apa yang jelas, katanya, ialah syarikat-syarikat terbabit berminat untuk meningkatkan kerjasama dan pelaburan di Malaysia.

Semasa lawatan itu, Perdana Menteri turut menziarahi umat Islam di Rusia dan Poland serta melihat bagaimana mereka terus berpegang teguh kepada agama Islam.

"Saya sempat bersembahyang Jumaat di Rusia dan juga di bandar Gdansk di Poland yang terdapat sebilangan kecil orang Islam tetaai, berjaya mendirikan masjid baru menggantikan masjid lama.

"Nampak pegangan mereka pada Islam masih kukuh walaupun berada di bawah komunis sekian lama," katanya.

Dr. Mahathir berkata, kumpulan minoriti Islam itu juga berminat untuk mengadakan hubungan lebih erat dengan rakyat Malaysia terutama dengan para ulama.

Beliau juga menyifatkan Poland sebagai negara yang indah dan sesuai untuk dilawati terutama mereka yang berminat dengan seni bina bangunan yang berusia ratusan tahun.

Secara keseluruhannya, Perdana Menteri menyifatkan lawatannya ke Rusia, Jerman dan Poland sebagai berjaya dalam usaha mengeratkan hubungan diplomatik dan perdagangan.